

**CABARAN INTERAKSI, INTERGRASI DAN ASIMILASI ANTARA PRIBUMI
(MELAYU) DENGAN IMIGRAN DI MALAYSIA**

***CHALLENGES OF INTERACTION, INTEGRATION, AND ASSIMILATION OF
PRIBUMI AND IMMIGRANTS IN MALAYSIA***

Ishak Saat
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian ini bertujuan melihat proses interaksi, integrasi dan asimilasi yang menjadi asas kepada toleransi dan perpaduan kaum. Dalam konteks Malaysia, proses interaksi, integrasi dan asimilasi sosio-budaya berlaku dengan cara mengolah aspek budaya tradisional bumiputera untuk dikemukakan sebagai satu simbolik bagi melahirkan sebuah budaya kebangsaan. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis cabaran kepada proses interaksi, integrasi dan asimilasi di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, perbincangan dilakukan dengan membincangkan sejarah kedatangan dan bentuk penerimaan masyarakat pribumi Melayu kepada golongan imigran. Ia bertujuan menilai kesannya dari perspektif sosiobudaya dan politik kepada perkembangan masyarakat khususnya selepas 1970. Permasalahan kajian ini mendapati bahawa perkembangan dalam interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat pribumi (Melayu) dengan masyarakat imigran di Malaysia sesungguhnya masih belum matang dan boleh dianggap berada pada peringkat perlaksanaan. Bagi mencapai objektif proses interaksi, integrasi dan asimilasi di Malaysia merupakan satu proses berterusan sepanjang masa. Ia penting bagi menjamin keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah kauntitatif kajian ini dilaksanakan. Semua pihak harus menyumbang dan berusaha bagi merealisasikan hasrat ini. Dapatan kajian mendapati semua pihak hendaklah berlapang dada dan bersedia untuk bertolak ansur dalam proses interaksi, integrasi dan asimilasi yang berlaku. Sikap berkenaan perlu dipraktikkan demi perpaduan dan keharmonian.

Kata Kunci: Interaksi, Integrasi, Asimilasi, Pribumi Melayu, Malaysia

Abstract

This study aims to look at the process of interaction, integration and assimilation that is the basis for racial tolerance and unity. In Malaysia, the process of socio-cultural interaction, integration, and assimilation is carried out by cultivating aspects of traditional Bumiputera culture to be presented as a symbol for the birth of national culture. The purpose of this paper is to examine the barriers to interaction, integration, and assimilation in Malaysia. The discussion was carried out to achieve the goal by discussing the history of arrival and the form of acceptance of the Malay indigenous community to the immigrant group. It also aims to assess its socio-cultural and political impact on societal development, particularly after 1970. Based on this study, Malaysia's indigenous (Malay) community and immigrant group are still in the early stages of developing their interactions, integration, and assimilation. implementation. In Malaysia, the contact, integration, and assimilation processes have been ongoing over time. It is crucial to maintain community cohesion and togetherness in

Malaysia. To make this goal a reality, all parties should participate and work hard. The findings of the study found that all parties should be open-minded and ready to tolerate in the process of interaction, integration and assimilation that takes place. This attitude needs to be practiced for the sake of unity and harmony.

Keywords: *Interaction, Integration, Assimilation, Pribumi (Malays), Malaysia*

Pendahuluan

Jaminan perpaduan dalam masyarakat majmuk adalah terletak atas permuafakan dan toleransi antara kaum. Bagi merealisasikan perpaduan di dalam sesebuah masyarakat, kerjasama dan toleransi antara kelompok amat penting demi untuk memastikan kesejahteraan hidup dapat dikecapi bersama. Malaysia merupakan sebuah negara yang paling istimewa sekiranya dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia ini. Keistimewaan Malaysia, merupakan sebuah negara kecil dan dalamnya terdapat kombinasi komuniti yang kepelbagaian baik dari segi latarbelakang, adat, budaya, keturunan, bahasa dan agama. Kepelbagaian inilah yang membuatkan Malaysia sentiasa di pandang oleh masyarakat antarabangsa sebagai model perpaduan dan juga destinasi pelancongan.

Kemakmuran di Malaysia hari ini merupakan hasil daripada satu proses sejarah yang panjang. Perpaduan yang wujud di Malaysia hari ini sesungguhnya merupakan sebuah kebahagiaan yang telah melalui beberapa proses interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat bukan pribumi lokal. Proses ini mengambil masa yang agak panjang. Ada catatan sejarah suka dan duka sepanjang proses pembinaan Malaysia. Di sini timbul persoalan sejauhmanakah kekuatan dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia ini menggambarkan keharmonian sejati? Seringkali keutuhan perpaduan kaum di Malaysia tergugat atau terganggu oleh beberapa insiden yang kadang kala menimbulkan perasaan tidak puas hati antara kaum.

Definisi Interaksi, Integrasi dan Asimilasi

Pengertian tiga istilah iaitu interaksi, integrasi dan asimilasi merupakan tunjang kepada toleransi dan perpaduan kaum. Istilah interaksi membawa maksud berhubung atau perhubungan aktif antara satu dengan sama lain atau dengan kata lain perhubungan antara individu atau antara sesebuah kelompok masyarakat. Integrasi pula membawa pengertian penggabungan dua atau beberapa kaum menjadi satu kesatuan. Manakala asimilasi pula membawa pengertian suatu proses pepaduan atau penyatuan berbagai-bagai unsur menjadi satu, khususnya berkaitan dengan unsur budaya yang berlainan menjadi satu kebudayaan diterima semua.¹

Antara integrasi dan asimilasi, seharusnya dihalusi proses yang dimaksudkan ini. Integrasi lebih membawa maksud penerapan ciri-ciri luar / ciri-ciri budaya kaum lain ke dalam sesuatu budaya hingga ciri-ciri itu dapat disebatikan dengan budaya yang menerimanya. Asimilasi pula ialah satu proses penyerapan. Selalunya satu-satu masyarakat itu menyerap satu masyarakat lain ke dalam budayanya sehingga mereka yang diserap itu akhirnya hilang identitinya sebagai satu kelompok atau budaya. Ahli sains sosial misalnya mengkonsepsikan pertembungan budaya sebagai satu proses perubahan sempadan dari dua

buah kelompok masyarakat, dalam situasi pertembungan ini sama ada dinaikkan atau diperturunkan. Ini bermakna setiap kelompok mendirikan sempadan masing-masing dari segi identiti budaya, seperti mempunyai agama atau sistem kepercayaan yang sama, bahasa yang sama, adat resam yang sama, pakaian yang sama, dan sebagainya.²

Dalam konteks Malaysia, proses interaksi, integrasi dan asimilasi budaya berlaku dengan cara mengolah aspek budaya tradisional bumiputera untuk dikemukakan sebagai satu simbolik bagi melahirkan sebuah budaya kebangsaan. Sekiranya ia sudah berlaku secara meluas maka adalah lebih baik sekiranya aspek budaya tempatan dipilih sebagai teras bagi Malaysia dalam melahirkan sebuah kebudayaan nasional buat semua kaum. Perlu diingat apabila diperkatakan tentang budaya maka ia merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuklah sistem sosial, budaya, adat resam dan kesenian, bahasa, ekonomi, pendidikan, dan juga aspek politik. Apa yang pentingnya ialah asimilasi budaya Melayu terhadap budaya Cina dan India, tidak patut dimomokkan dan mengeruhkan dunia politik kerana ia tidak akan berlaku. Sebaliknya haruslah menggalakkan usaha agar budaya masing-masing menurunkan sempadan, supaya integrasi berjalan lancar dan pemupukkan kebudayaan kebangsaan terus berjalan secara positif. Akhirnya usaha melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang hidup rukun dan damai akan menjadi kenyataan. Sesuai dengan budaya Melayu yang kaya dengan peribahasa, contohnya, '*Bersatu teguh, Bercerai roboh*'.

Sejarah Kedatangan Masyarakat Bukan Pribumi

Tanah Melayu pernah dalam sejarahnya melalui kebanjiran kaum imigran dan kehadiran kuasa penjajah. Ia berlaku secara berterusan dan mengambil masa ratusan tahun. Kehadiran mereka ini mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi dalam masyarakat Melayu. Proses ini berterusan sehinggalah ke hari ini. Maka dalam membicarakan persoalan tersebut adalah lebih baik kita melihat sejarah kehadiran mereka di bumi Melayu terlebih dahulu.

Penghijrahan dari Indonesia

Proses perantauan yang pertama kali berlaku di Tanah Melayu merupakan penghijrahan penduduk dari Indonesia ke Tanah Melayu, tetapi amat kurang kajian yang membicarakan proses penghijrahan ini. Situasi ini terjadi kerana mereka lebih diistilahkan sebagai serumpun khususnya 'Melayu'. Lantaran itu kehadiran mereka ke Tanah Melayu lebih tepat sekiranya diistilahkan sebagai satu proses perantauan. Konsep merantau tidak asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Penghijrahan mereka ini amat pesat berlaku sekitar awal kurun ke-19. Proses penghijrahan atau perantauan ini berlaku secara berterusan. Istilah paling popular ialah merantau yang membawa maksud berjalan kaki, belayar ke tempat lain kerana mencari kehidupan yang lebih baik.³

Bagi mereka yang sedia ada dan yang datang merantau mempunyai kehidupan dari perspektif politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama, dan cara hidup secara keseluruhannya adalah sama. Perbezaannya hanyalah variasi tempatan seperti adat istiadat, loghat bahasa dan amalan budaya. Kumpulan yang merantau ini merangkumi kelompok etnik seperti Melayu, Jawa, Kerinci, Banjar, Mendeling, Minangkabau, Bangkahulu, Rawa, Kampar, Bugis, Boyan dan Madura. Mereka datang dari Pulau Sumatera, Pulau Jawa, Kalimantan, Sulawesi, Madura dan lain-lain kepulauan Melayu yang terdapat sekitar Nusantara.⁴ Kedatangan mereka ini dalam jumlah yang ramai serta mendiami sekitar kawasan pantai barat

Semenanjung Tanah Melayu. Mereka ini aktif dalam bidang pertanian dan perdagangan. Malah mereka turut datang sebagai buruh dan bergaul dengan penduduk tempatan, berasimilasi hingga membentuk sebahagian daripada masyarakat lokal di Tanah Melayu hari ini. Kenyataan ini turut diakui oleh Ibrahim Singgeh, seorang nasionalis Melayu berketurunan Natal dari Sumatera. Pernah terpenjara dalam Kem Tahanan Politik British, bersemangat tinggi dalam perjuangan berkonsepkan '*Melayu-Raya*'.⁵ Beliau menyatakan bahawa kedatangan mereka di Tanah Melayu seperti merantau pergi dan balik adalah perkara yang normal waktu itu. Bagi mereka, Tanah Melayu merupakan satu rumpun bangsa yang sama maka amat mudah dan tidak mendatangkan kesukaran. Bagi orang Melayu dalam rumpun yang besar ini telah sekian lama diperkasakan dengan konsep perantauan, mereka yang menyahut cabaran merantau ini akhirnya akan mampu bersaing dan boleh mempertingkatkan status individu, keluarga dan masyarakat amnya. Ini ditambah pula dengan peribahasa dan simpulan bahasa Melayu lama yang secara psikologinya memotivasikan bangsa Melayu agar menyahut cabaran merantau. Sebagai contoh, '*Jangan jadi katak di bawah tempurung*', atau '*Jauh perjalanan luas pemandangan*', dan juga '*Kalau tidak dipecahkan ruyung masakan dapat sagunya*'. Peribahasa seumpama ini menyarankan kepada orang Melayu agar bersedia untuk melakukan penghijrahan dan bersusah dahulu sebelum mengecapi kejayaan. Untuk membaiki kehidupan maka buktinya boleh dilihat dari aspek ilmu dan harta kekayaan yang dimiliki. Jadi memperkayakan diri dengan harta dan ilmu pengetahuan merupakan tanda kejayaan dalam kehidupan perantauan Melayu.⁶

Kehadiran mereka ini sebenarnya dipengaruhi oleh banyak faktor penolak seperti masalah kesempitan hidup kerana kepadatan penduduk, ingin memulakan kehidupan baru, mencari kekayaan, masalah kesengsaraan dan penindasan pihak penjajah Belanda, masalah pelarian politik dan sebagainya. Manakala faktor penarik pula, adalah keadaan aman dan damai di Tanah Melayu waktu itu dan terdapatnya banyak peluang pekerjaan. Dengan itu kehadiran mereka ini menyebabkan banyak kawasan baru dibuka. Kemunculan pertempatan baru khususnya di sekitar pantai barat Semenanjung Tanah Melayu didiami oleh tumpuan orang Melayu keturunan Indonesia seperti Jawa, Banjar, Rawa, Kampar, Kerinci, Mendeling dan Minang. Contohnya, taburan kependudukan etnik Melayu-Indonesia yang terdapat di negeri Perak boleh diperincikan; bagi etnik Melayu Banjar dan Jawa mereka mendiami kawasan persisir pantai bermula dari Utara negeri Perak, di daerah Kerian menyusuri pantai hingga ke selatan negeri Perak seperti Kuala Gula, Taiping, Lumut, Pasir Panjang Laut, Lekir, Bagan Datuk dan Teluk Intan (Teluk Anson). Manakala bagi etnik Melayu Minang, Rawa, Kampar, Mendeling, Kerinci dan Natal pula mereka mendiami kawasan-kawasan tengah dan pedalaman negeri Perak seperti Ipoh, Gopeng, Kampar, Tapah, Slim River dan Tanjung Malim. Sehingga ke hari ini, etnik-etnik ini masih mendiami dan mendominasi kawasan-kawasan tersebut. Mereka ini telah menjadi sebahagian daripada rumpun Melayu yang tinggal menetap di Tanah Melayu. Walaupun terlalu kurang kajian yang memperjelaskan sejarah penghijrahan kaum Melayu Indonesia ke Tanah Melayu tetapi kajian serba sedikit ini dapat membantu dan menjelaskan kekaburan tersebut. Demikianlah serba ringkas sejarah kedatangan orang Melayu-Indonesia ke Tanah Melayu.⁷

Kedatangan Kaum Imigran

Kedatangan kaum imigran Cina dan India melahirkan masyarakat majmuk di Malaysia.⁸ Menyingkap sepintas lalu sejarah kedatangan mereka, penghijrahan imigran Cina dari benua asal kelahiran mereka sesungguhnya dipengaruhi oleh banyak faktor penolak dan juga faktor menarik. Menyingkap sejarah silam zaman Kesultanan Melayu Melaka catatan mendapati penghijrahan terawal orang Cina bermula di zaman tersebut. Ianya diketuai oleh Puteri Hang Li Po yang berkahwin dengan Sultan Mansur Shah. Ini merupakan gelombang pertama kedatangan imigran Cina di Tanah Melayu. Kumpulan ini akhirnya berasimilasi menjadi etnik baru iaitu Cina Peranakan.⁹

Penghijrahan yang paling penting melibatkan perpindahan secara besar-besaran adalah dalam sekitar abad ke-19 dan ke-20. Ianya dipengaruhi oleh faktor penolak yang terdapat di negeri China iaitu masalah kemiskinan dan penderitaan hidup yang dihadapi oleh mereka. Ketidakstabilan ekonomi ditambah pula dengan suasana politik yang kucar kacir seperti tercetusnya pemberontakan Taiping tahun 1857 di kawasan tengah dan selatan negara China memaksa mereka ini melakukan penghijrahan keluar dari negara asal mereka. Fenomena ini ditambah pula dengan wujudnya suasana kepadatan penduduk yang berlebihan di kawasan selatan negara China, menyebabkan masalah kekurangan makanan dan kebuluran. Situasi ini mendorong mereka migrasi ke luar. Ini merupakan sebahagian daripada faktor penolak. Proses imigrasi diperkuatkan pula dengan adanya faktor penarik seperti peluang pekerjaan yang terbentang luas di Tanah Melayu.¹⁰ Sesuai dengan dasar British waktu itu yang menggalakkan kemasukan kaum imigran Cina untuk berniaga dan membuka kawasan lombong bijih timah.

Penghijrahan bangsa Cina ini menjadi begitu rancak ~~sekal~~ pada abad ke-20 kerana waktu itu pembukaan kawasan lombong bijih timah dan dasar British yang memerlukan bahan tersebut serta kekurangan tenaga kerja sektor ini. Lantaran itu, dasar British menggalakkan kaum Cina datang secara beramai-ramai ~~dem~~ untuk memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor perlombongan. Proses penghijrahan kaum Cina dilakukan melalui beberapa sistem, antaranya ialah melalui *Sistem Tiket Kredit* yang diusahakan oleh kelompok Cina yang lebih dikenali sebagai kongsi gelap. Kaedah ini menimbulkan banyak masalah kerana melibatkan unsur-unsur yang tidak sihat. Kegagalan sistem ini yang tidak mengutamakan kebajikan buruh Cina kemudiannya digantikan dengan *Sistem Pengambilan Personal* oleh majikan yang memerlukan tenaga buruh dan sistem pengambilan rumah kongsi apabila British mula prihatin dalam hal-ehwal merekrutkan buruh Cina dilakukan.¹¹

Manakala kemasukan imigran India bermula dengan perkembangan sektor perladangan/estet; tebu, kopi dan getah. Mereka dibawa masuk pada sekitar abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kemasukan mereka ini bagi menampung keperluan buruh ladang yang terdesak. Fenomena ini terjadi kerana masyarakat pribumi lokal tidak berminat berkerja dalam sektor ini. Manakala kaum Cina telahpun memiliki aktiviti pekerjaan mereka seperti perniagaan, perlombongan dan juga kegiatan pertanian. Bagi memenuhi keperluan terdesak itu maka imigran India diatur. Pada sekitar tahun 1840-an buruh India dibawa masuk oleh peladang Inggeris untuk berkerja di ladang-ladang tebu dan kopi di Seberang Perai. Permintaan buruh India ini meningkat kerana mereka boleh diperolehi dengan kos yang murah. Bilangan mereka meningkat apabila sektor perladangan getah diperkenalkan secara besar-besaran oleh syarikat Eropah terutamanya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan awal abad ke-20. Ini kerana dianggarkan bahawa antara tahun 1900 hingga 1910, kemasukan buruh India mencecah seramai 48,000 orang. Kemudian peningkatan sebanyak 908,000 orang

sekitar tahun 1911 hingga 1920.¹² Terdapat dua kategori buruh imigran India di Semenanjung iaitu satu kumpulan terdiri dari kumpulan banduan dan tawanan. Penjajah British di India membuang banduan India ke negeri-negeri jajahan mulai tahun 1790 hingga 1860. Tenaga banduan dan tawanan ini diperlukan bagi memenuhi keperluan tenaga buruh dalam projek pembinaan jalan raya, landasan keretapi, jambatan dan bangunan kerajaan.¹³ Manakala kumpulan kedua pula terdiri daripada buruh kuli kontrak yang memenuhi keperluan tenaga kerja sektor perladangan sebagaimana yang telah dijelaskan di awal perbincangan tadi. Kumpulan kedua ini dibawa masuk melalui kaedah *Sistem Kangani*. Di bawah sistem ini pekerja ladang ditugaskan oleh para majikan ladang untuk pulang ke India dan merekrutkan pekerja baru yang berminat untuk berhijrah ke Tanah Melayu dan bekerja sebagai buruh ladang Getah. Kaedah ini ternyata amat berkesan dan berjaya membawa masuk hampir 1 juta tenaga buruh India ke Tanah Melayu sebelum sistem ini dihapuskan.¹⁴

Penerimaan Masyarakat Melayu

Bagi masyarakat peribumi lokal kehadiran imigran asing sama ada Cina mahupun India bukan suatu perkara yang merisaukan di peringkat awal kehadiran mereka. Bagi bangsa Melayu kehadiran mereka sekadar mencari rezeki atau dengan kata lain tumpang berteduh seketika. Adalah dipercayai bahawa kemungkinan besar orang Melayu mengambil sikap begini kerana mereka beranggapan kehadiran kaum pendatang itu sekadar bersifat sementara dan tidak tinggal kekal di negara ini. Bagi bangsa Melayu kaum imigran ini hanya datang dan bermastautin dalam jangka waktu tertentu sahaja untuk mencari kekayaan dan kemudian pulang ke negara asal masing-masing. Anggapan ini timbul kerana pada peringkat awal kehadiran mereka adalah secara perseorangan dan tanpa membawa keluarga. Kehadiran mereka disambut dengan layanan baik menarik minat kaum imigran untuk terus tinggal di Tanah Melayu.¹⁵

Menyingkap sejarah masyarakat Melayu yang telah mengalami beberapa proses integrasi dan asimilasi khususnya dalam sistem kebudayaan mereka iaitu bermula dengan kehadiran peradaban Hindu, struktur sosial yang berdasarkan penempatan satu-satu tempat, kumpulan yang bersendikan kekeluargaan, kekuasaan berdasarkan kepada umur, corak ekonomi secukup hidup dan kepercayaan kepada makhluk halus di sekitar, termasuk arwah nenek moyang dan amalan harian khususnya yang berkaitan dengan adat resam Melayu seperti majlis persandingan, adat tepung tawar, upacara mandi safar, upacara tolak bala dan sebagainya. Ini merupakan satu perubahan yang radikal lagi mendalam kepada peradaban Melayu.¹⁶ Ini menggambarkan proses asimilasi pengaruh Hindu dalam kehidupan masyarakat Melayu berlaku dengan mudah kerana mereka sedia menerimanya. Kemudian dengan kedatangan Islam, sekali lagi masyarakat Melayu melalui proses asimilasi di dalam sistem kehidupan mereka. Kesanggupan mereka menerima Islam bukan sahaja sebagai sebuah kepercayaan tetapi menjadikan Islam sebagai '*A Way of Life*'. Membolehkan ajaran Islam membentuk ciri-ciri kebudayaan Melayu yang bersesuaian dengan hukum syarak. Berlakulah penyesuaian dan pembersihan amalan harian dalam masyarakat Melayu. Siddiq Fadil menegaskan bahawa kedatangan Islam telah merubah bukan sahaja struktur sosial masyarakat tetapi turut merubah sistem feodal Melayu-Hindu.¹⁷

Sebagaimana yang diketahui umum apabila raja menerima Islam, maka seluruh rakyatnya akan turut menerima Islam. Fenomena ini turut membantu penerimaan peradaban Islam dalam budaya Melayu. Hubungan Melayu dengan Islam telah begitu sehati, malah sebenarnya Islamlah yang menerasi keperibadian Melayu, mendasari '*worldview*' Melayu

dan seterusnya membentuk etos dan citarasa Melayu. Hakikat pergantungan Melayu terhadap Islam amat penting. Sesungguhnya Melayu dengan Islam umpama sinonim yang tidak mampu dipisahkan. Kekuatan Melayu terletak kepada sejauhmana kekuatan pegangan Islamnya. Kenyataan ini turut dipertegasakan oleh Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan Persidangan Agung UMNO tahun 1988. Tegasnya:

...pegangan kepada agama Islam akan menjadi benteng kepada orang Melayu dan orang Islam yang lain. Dalam kita mengejar kemajuan, tekanan akan diberi kepada pembentukan peribadi yang benar-benar Islam. Kita mesti berusaha menentukan bahawa walaupun kemajuan dicapai, orang Melayu akan terus insaf dan sedar dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.”¹⁸

Demikianlah pentingnya Islam sejak kehadirannya di bumi Melayu sehingga ke hari ini. Walaupun berlaku bermacam-macam perubahan namun peranan Islam di dunia Melayu tidak dapat dipisahkan. Perubahan struktur politik, ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan yang diintegrasikan dan diasimilasikan oleh pengaruh budaya luar sebagaimana yang pernah dilalui oleh sejarah dunia Melayu sedikit sebanyak telah membantu berlakunya perubahan tersebut. Perubahan ini boleh dikategorikan sebagai suatu perubahan yang positif kerana ianya tidak memundurkan bangsa Melayu tetapi turut membantu memperkasakan masyarakat Melayu dalam menghadapi cabaran globalisasi.¹⁹

Lantaran itu, kehadiran bangsa imigran di bumi Melayu ini tidak dipandang serong atau tidak disambut dengan kekasaran. Sebaliknya mereka ini disambut dengan baik dan dimuliakan. Percubaan untuk menumpang hidup di bumi Melayu oleh bangsa imigran ini tidak sukar dan dapat diterima umum. Malah segala keperluan mereka turut dibantu dan disediakan oleh masyarakat Melayu. Boleh dikatakan kehidupan imigrasi mereka diawalnya adalah dalam keadaan cukup kondusif. Keadaan ini melahirkan suasana perpaduan antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat pribumi bukan lokal. Kebaikan dan keterbukaan masyarakat pribumi lokal ini akhirnya dapat menarik minat bangsa imigran untuk terus tinggal menetap di Tanah Melayu. Mereka mulai menerima identiti Melayu sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka walaupun mereka tetap mengekalkan identiti asal mereka. Bagi mereka yang keseorangan maka mereka membuat keputusan untuk berkahwin dengan masyarakat lokal dan terus tinggal tetap di Tanah Melayu. Waktu itu konsep kahwin campur amat longgar dan sudah dapat diterima umum oleh masyarakat Melayu. Ekoran dari itu maka lahirlah beberapa etnik baru hasil daripada perkahwinan campur. Misalnya muncul etnik Cina Peranakan yang lebih dikenali sebagai masyarakat Baba dan Nonya, masyarakat Chite, masyarakat Mamak, masyarakat Portugis, masyarakat Begus (Campuran antara orang Belanda dan Melayu), masyarakat Syed (Campuran Syekh Arab dengan gadis Melayu), dan sebagainya. Dalam proses perkahwinan ini satu etnik baru telah dilahirkan di dalam etnik ini sehingga proses integrasi dan asimilasi budaya telah berlaku yang akhirnya mewujudkan beberapa ciri baru dalam amalan budaya mereka tanpa menghilangkan ciri-ciri asal budaya mereka. Boleh dikatakan berlakunya gabung-jalin dan penyesuaian budaya dalam masyarakat tersebut. Ini merupakan satu bukti nyata proses integrasi dan asimilasi yang berlaku dalam masyarakat Peranakan Cina Baba di Tanah Melayu.²⁰ Begitu juga dengan masyarakat Portugis, masyarakat Arab dan masyarakat Chite, walaupun terdapat proses integrasi dan asimilasi namun pengekalan ciri-ciri asal masyarakat mereka diteruskan khususnya berkaitan dengan pakaian dan makanan. Usaha ini penting bagi memastikan agar budaya asal mereka tetap dipelihara sebagai warisan budaya nenek moyang.

Dalam masa yang sama proses ini turut penting agar dapat mengekalkan perpaduan antara kaum yang terdapat di Malaysia.²¹

Bagi menjamin perpaduan rakyat berbilang kaum, maka pentingnya bagi rakyat Malaysia memupuk nilai-nilai sosial tinggi yang terdapat dalam budaya masing-masing. Tindakan ini yang boleh mempertingkatkan perpaduan antara kaum seperti mewujudkan peluang berinteraksi dan bekerjasama, atau berintegrasi melalui ciri-ciri budaya antara kaum dan kalau berkemampuan untuk melakukan asimilasi antara budaya. Kerjasama dan tolak ansur dalam merealisasikan perkara tersebut mampu melahirkan suasana yang harmoni dalam kalangan rakyat Malaysia. Persoalan yang timbul pula ialah masyarakat Melayu telah melakukan segala-galanya untuk kaum imigran agar hidup dalam keadaan kondusif di Tanah Melayu, tetapi bagaimana pula balasan kaum imigran kepada budi pekerti yang pernah ditaburkan kepada mereka? Jangan jadi seperti pribahasa Melayu '*Kacang lupakan kulit*', atau '*Melepaskan anjing tersepit*'.

Kesan Imigrasi ke atas Masyarakat Melayu

Kehadiran mereka di dunia Melayu telah meninggalkan banyak kesan, sama ada kesan positif mahupun kesan negatif. Ia bergantung kepada cara bagaimana melihat dan mentafsir kedatangan mereka. Namun kehadiran masyarakat imigran di Tanah Melayu mencorakkan perspektif masyarakat Melayu, membentuk budaya baru, mempertingkatkan daya saing dalam sektor ekonomi, melahirkan dimensi baru struktur politik rakyat, memperkenalkan sistem pendidikan sekular dan sebagainya.

Perspektif Masyarakat Melayu

Perspektif masyarakat Melayu terhadap kehadiran imigrasi di Tanah Melayu meninggalkan banyak kesan positif dan juga kesan negatif. Dahulunya masyarakat pribumi lokal meletakkan kesalahan kemunduran bangsa Melayu di tangan penjajah, namun hari ini kesalahan tersebut harus dijadikan cabaran untuk membina kemajuan bangsa. Sudut pandangan ini sudah tentu dipengaruhi oleh latarbelakang diri dan keluarga serta juga pendidikan yang terima. Melalui proses tersebut maka lahirlah pandangan tersendiri seseorang itu. Namun secara umumnya masyarakat moden hari ini akan berpandangan bahawa kehadiran imigrasi asing turut membantu memodenkan masyarakat pribumi lokal di Tanah Melayu.

Bermula dengan kehadiran kuasa penjajah Barat proses internasionalisasi dalam budaya berlaku dengan pesat. Konsep ini sebenarnya melakukan penyerapan unsur budaya Barat secara global, yang menjadi ikutan dan dipandang tinggi oleh penduduk tempatan. Proses ini merupakan penyebaran unsur budaya Barat dalam masyarakat Melayu. Di samping penyebarannya itu sebagai kegiatan kapitalis, penyebaran itu juga bermakna mereka dapat menyalurkan ideologi dan memperkuatkan nilai-nilai memandang tinggi dan menghormati kedudukan masyarakat dan budaya Barat. Proses internasionalisasi itu memperkukuhkan konsep moden dan maju yang dibina dan dipupuk oleh ideologi Barat. Secara umumnya penduduk tempatan dapat menerima dan menganggap unsur budaya Barat dalam konteks internasional dan diterima secara global, membawa kepada permodenan dan kemajuan masyarakat sesuai dengan proses peredaran masa.²²

Sosial Budaya Baharu

Budaya baharu atau budaya nasional terbit daripada gabungan antara budaya apabila berlaku interaksi dan intergrasi di dalam masyarakat. Ia mesti dilakukan untuk mewujudkan perpaduan antara kaum. Tragedi 13 Mei 1969 membuatkan pihak berkuasa berusaha secara serius demi mengekalkan keharmonian kaum di Malaysia. Tragedi ini sesungguhnya amat memalukan Malaysia yang baru sahaja mencapai kemerdekaan. Oleh kerana sifat perkauman yang terbiar dan berkembang dalam kalangan setiap bangsa, maka kemuncak dari perasaan perkauman ini diterjemahkan dalam tragedi tersebut.²³

Menyorot peristiwa 13 Mei, didapati semangat perkauman imigran Cina yang mendalam diperkasakan pula dengan ideologi komunis yang rancak menyemarak dalam jiwa bangsa Cina. Ideologi komunis didominasi oleh kaum Cina kerana mereka ditiupkan semangat tersebut melalui kegiatan Parti Komunis China dari tanah kelahiran mereka. Seterusnya diperkuat pula dengan kehadiran pertubuhan kongsi gelap. Dasar British yang tidak tegas dalam membanteras kegiatan komunis dalam kalangan imigran Cina dan tindak-tanduk yang mengharap masyarakat lokal menentang pengaruh komunis. Ditambah pula terdapat sesetengah pegawai British yang mengapi-apikan bangsa Melayu dengan istilah-istilah seperti, '*komunis itu Cina dan Cina itu komunis*'. Walaupun ucapan tersebut dilakukan dalam perjumpaan kecil tetapi perbuatan tersebut mampu membakar semangat bangsa Melayu menentang Cina komunis yang telah dilabelkan sebagai pengganas dan berbahaya.²⁴

Ekoran tragedi ini maka kerajaan berusaha melahirkan *Kebudayaan Nasional* agar dapat memupuk kesedaran dan perpaduan dalam kalangan bangsa Malaysia. Bagi mencapai perpaduan rakyat maka pada bulan Ogos 1971, kerajaan menggubal sebuah Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal negara ini dan agama Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Unsur kebudayaan kaum lain yang sesuai dan wajar juga diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Bermatlamatkan perpaduan masyarakat sepenuhnya, kerana tidak dianggap sebagai lambang perpaduan masyarakat Malaysia semata-mata tetapi mestilah konsep tersebut difahami, dihargai dan diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia.²⁵ Sesungguhnya tragedi 13 Mei sudah mempalitkan sejarah hitam negara yang pastinya tidak mampu dihadapi sekali lagi. Bangsa Melayu amat sedar tentang persengketaan yang tidak menguntungkan sesiapa pun. Ini kerana, dalam budaya Melayu sudah lama mengajar bangsanya tentang ruginya hidup bermusuhan seperti peribahasa berikut, '*Menang jadi arang, Kalah jadi abu*'. Pengajaran ini adalah untuk memastikan kemakmuran dan perpaduan antara kaum terpelihara, maka semua rakyat Malaysia harus serius untuk merealisasikan Kebudayaan Kebangsaan.

Dimensi Baru Politik Malaysia

Kehadiran British mewujudkan satu budaya baharu dalam struktur politik Melayu. Sebelum kedatangan mereka struktur politik Melayu berkisar dalam sistem feodal pemerintahan Raja Melayu. Sistem Kesultanan Melayu yang pernah mencatatkan keagungannya yang tersendiri. Malah pernah melalui satu zaman yang penuh dengan kegemilangan sehingga mencapai tahap empayar Melayu di Gugusan Kepulauan Melayu. Ia merupakan legasi ketuanan Melayu yang tersimpan dalam lipatan sejarah silam. Apabila zaman penjajahan bermula berlaku satu proses transformasi kuasa raja ke politik kuasa rakyat, rakyat Melayu diajar berpolitik melalui sistem kepartian dan sistem perkongsian kuasa. Kuasa raja akhirnya dimuziumkan dan dinobatkan sebagai sistem raja berperlembagaan. Mahadzir Mohd. Khir menegaskan:

“...struktur organisasi politik Melayu, dari bentuk feodal di zaman tradisional telah berubah menjadi satu bentuk organisasi lain yang tersendiri”.²⁶ Menurut beliau lagi pemahaman tentang politik Melayu dapat dibuat mengikut urutan peristiwa yang berlaku secara berperingkat. Pertamanya, pemahaman tentang konsep politik, organisasi dan sistem kepercayaan Melayu peringkat awal. Kedua, pertembungan antara feudalisme dengan kolonialisme. Ketiga, bagaimana pertembungan tersebut menghasilkan sistem bercorak negara-bangsa (nation-state) serta proses demokrasi di mana kedaulatan raja bertukar menjadi kedaulatan rakyat yang lebih bersifat nasional.²⁷

Kuasa rakyat bukan bermaksud kuasa rakyat Melayu semata-mata tetapi kuasa rakyat yang merangkumi seluruh masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia. Satu konsep yang ternyata terlalu asing bagi bangsa Melayu tradisi. Dasar perkongsian kuasa antara kaum yang terdapat dan diamalkan di Malaysia membuktikan telah berlaku proses interaksi, integrasi dan asimilasi dalam struktur politik di Tanah Melayu. Ia bertujuan mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia. Cuma yang perlu difikirkan secara serius ialah sistem politik yang terdapat di Malaysia kebanyakannya berteraskan kepada sistem politik perkauman.²⁸ Perkembangan ini merupakan satu perkembangan politik yang tidak sihat. Hari ini keadaan seperti ini dapat dikawal oleh kerana terdapatnya kepimpinan yang berkaliber. Namun, belum tentu fenomena ini akan berterusan. Struktur baharu politik rakyat ini hanya mampu dikawal sekiranya terdapat pemimpin yang memiliki karisma yang tinggi serta mampu memandang ke hadapan.

Perkembangan Bidang Pendidikan

Perkembangan pendidikan di Tanah Melayu amat tersendiri dan unik. Setiap etnik memiliki institusi pendidikan yang tersendiri. Bagi masyarakat pribumi lokal, pendidikan agama merupakan pendidikan wajib yang diberikan kepada anak-anak. Ianya bermula dengan pendidikan tidak formal iaitu di surau, masjid dan rumah guru. Kemudian keperluan kepada pendidikan, terus berkembang kepada pembentukan sistem pondok. Sistem ini turut mengalami perubahan dan pembaharuan iaitu dengan lahirnya sistem madrasah. Bagi melahirkan sistem pendidikan yang lebih sistematik. Sistem pendidikan ini berjalan lancar sehinggalah kedatangan para orientalis Barat dengan sistem sekularnya.²⁹ Akhirnya membawa kepada berlakunya proses intergrasi dan asimilasi di dalam sistem pendidikan Melayu.

Kedatangan British bukan sekadar ingin menguasai kekayaan ekonomi Tanah Melayu tetapi turut mengorentasikan pemikiran masyarakat pribumi lokal dengan sistem pendidikan sekular dan berjaya memisahkan jauh pendidikan agama yang sekian lama bertapak di Tanah Melayu. Dasar pendidikan Inggeris sebelum perang disifatkan sebagai ‘*dualistik*’ kerana mengkhaskan pendidikan Inggeris bagi golongan elit bangsawan manakala pendidikan vernakular dianggap sesuai bagi masyarakat umum. Waktu itu sistem pendidikan Inggeris hanya bertujuan sebagai saluran untuk melatih pekerja kolar putih yang diperlukan bagi mengisi jawatan pegawai rendah dan menengah dalam perkhidmatan awam. Manakala pendidikan vernakular membantu membendung masyarakat umum dalam order masyarakat tradisi yang didapati begitu sesuai dengan kepentingan British.³⁰ Mereka yang tinggal di kawasan pedalaman tidak dihiraukan oleh British malah masyarakat pribumi lokal tidak menerima khidmat sokongan untuk membantu mereka mengubah corak hidup mereka. Penyediaan pendidikan asas semata-mata bertujuan untuk mengisi keperluan biasa murid-murid Melayu yang akan menjadi pembawa kereta lembu, penanam padi, nelayan, tukang kayu, dan sebagainya. Fenomena ini menyukarkan bangsa Melayu untuk melakukan

perubahan. Bagi memasuki sekolah Inggeris yang terletak di bandar sudah pastinya mereka tidak berkemampuan kerana faktor kemiskinan. Lantaran itulah tidak hairan masyarakat pribumi lokal tetap ketinggalan dan seterusnya tidak mampu bersaing dengan masyarakat imigran yang lebih berpeluang dan berkemampuan. Impilikasinya sedikit sebanyak telah membentuk struktur masyarakat Melayu dewasa ini.

Dalam masa yang sama penjajah British memberikan galakan penubuhan sekolah asing khususnya sekolah Cina dan sekolah Tamil, berkembang secara sendirian. Perkembangan sistem pendidikan asing tidak dipantau. Ini membuatkan corak dan perkembangan sistem pendidikan bagi masyarakat imigran berkembang mengikut arus pemikiran mereka waktu itu. Fenomena ini menebalkan lagi semangat perkauman dalam kalangan mereka kerana sistem pendidikan yang dijalankan oleh mereka berorientasikan negara asal mereka. Sistem pendidikan mereka seperti penggunaan kurikulum, bahasa, buku teks, tenaga pengajar dan fokus pengajaran dan pembelajaran berkiblatkan negara asal. Penggunaan bahasa ibunda masing-masing menyebabkan hidup bermasyarakat agak terhalang dan kesukaran berinteraksi turut menjadi punca kegagalan berasimilasi. Ini dapat dirasakan pada zaman sebelum merdeka, setiap bangsa amat sukar berinteraksi apa lagi untuk berintegrasi dan berasimilasi kerana faktor kesukaran berkomunikasi. Ketebalan menekankan penggunaan bahasa ibunda masing-masing membuatkan mereka hidup terasing. Malah mereka hanya hidup dalam lingkaran bangsa dan budaya mereka sahaja. Ini membuktikan amat sukar mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi dalam perkembangan sistem pendidikan yang terdapat di Tanah Melayu. Fenomena ini membuatkan wujudnya kepelbagaian pemikiran yang kadangkala terdapat nilai sosial yang bertentangan. Ia menyukarkan lagi proses perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Bagi mengatasi masalah ini beberapa langkah positif telah dilakukan oleh pihak British seperti menubuhkan jawatankuasa bagi mengkaji pendidikan vernakular Cina di Persekutuan Tanah Melayu. Hasil dari usaha tersebut maka lahirlah Laporan Fenn-Wu tahun 1951. Bagi memantapkan lagi sistem pendidikan maka Ordinan Pelajaran 1952 diluluskan. Kemuncak dari usaha pihak British untuk merealisasikan integrasi nasional dalam sistem pendidik ialah tertubuhnya Jawatankuasa Pendidikan tahun 1955, dianggotai oleh semua kaum. Antara fokus kajian mereka ialah mengkaji Dasar Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu agar ianya dapat diterima oleh semua kaum serta memenuhi keperluan mereka dengan memperkembangkan kebudayaan, kemasyarakatan, ekonomi dan politik sebagai satu bangsa.³¹ Lantaran pendidikan merupakan satu bidang yang berterusan maka usaha untuk mendidik masyarakat hendaklah sentiasa dilakukan tanpa mengenal noktah. Lebih-lebih lagi unsur tidak sihat seperti pengekaln penggunaan bahasa ibunda masing-masing dan kehidupan masyarakat perbagai kaum yang hidup dalam lingkaran bangsa dan budaya tersendiri, sudah tentu ia menyumbang ke arah penebalan semangat perkauman masing-masing. Ini merupakan satu perkembangan yang tidak sihat dan boleh mengganggu proses perpaduan kaum.

Menyedari wujudnya unsur yang tidak sihat ini maka pasca merdeka reformasi sistem pendidikan dilakukan. Usaha untuk mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi dalam sistem pendidikan telah dilakukan dengan penubuhan Dasar Pelajaran Kebangsaan pada tahun 1956. Dasar ini bertujuan melahirkan sekolah yang berjiwa Tanah Melayu dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Selain itu, penubuhannya juga bertujuan mengelakkan kerosakan kebudayaan serta bahasa ibunda termasuklah kepentingan bahasa Inggeris.³² Namun sebelum melangkah ke era 1970-an, perkembangan sistem pendidikan adalah meragukan dan mengelirukan masyarakat Melayu. Kemampuan

penggunaan Bahasa Melayu dibayangi oleh kecemerlangan Bahasa Inggeris. Ia terjadi kerana kebanyakan pemimpin yang mewarisi kepimpinan negara berpendidikan Inggeris, maka sudah tentu penggunaan Bahasa Melayu agak lembab dan tidak meyakinkan. Fenomena ini menyebabkan ada di antara jabatan kerajaan mengutamakan penggunaan Bahasa Inggeris dalam urusan rasmi mereka. Kehanyutan Dasar Pelajaran Kebangsaan, boleh juga dianggap sebagai salah satu sebab tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Orang Melayu yang mengharapkan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi, rupa-rupanya hanya satu harapan yang tiada makna.³³ Peristiwa 13 Mei boleh dilihat sebagai *'turning point'* dalam usaha menjadikan institusi pendidikan sebagai agen perubahan untuk merealisasikan interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat pribumi lokal dengan masyarakat imigran di Malaysia.

Sesungguhnya amat sukar untuk merealisasikan perpaduan kaum melalui sistem pendidikan, kerana sifat pendidikan yang berteraskan pendidikan asas sesuatu kaum itu masih menebal sehingga ke hari ini. Malah jaguh politik pelbagai etnik masih menjadikan isu pendidikan sebagai topik utama dan agenda perjuangan khususnya berkaitan dengan pendidikan Cina dan India. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan wujudnya sekolah jenis kebangsaan atau sekolah vernakular yang mengutamakan bahasa ibunda etnik masing-masing. Bagi melahirkan sebuah bangsa yang bergelar Malaysia maka isu pendidikan mestilah dilihat secara positif dan tidak dipolemikkan atau dipolitikkan. Melalui sistem pendidikan sahaja usaha murni ini akan membuah hasil yang baik serta berkekalan dan pastinya dapat menjamin matlamat khusus iaitu perpaduan kaum dan kemakmuran negara. Sudah sampai masanya untuk difikirkan pendidikan satu aliran diwujudkan untuk semua rakyat Malaysia.

Adat dan Budaya

Suatu perkara yang paling sukar untuk dibentuk dalam merealisasikan integrasi dan asimilasi antara kaum ialah nilai dan pandangan budaya yang berbeza-beza. Sungguhpun setiap bangsa hidup bekerja bersama namun selepas waktu kerja mereka pulang dalam lingkaran kehidupan masing-masing. Orang Melayu, orang Cina dan orang India mungkin hidup berjiran. Mereka bertemu sewaktu menjalankan aktiviti kerja seharian, malahan sewaktu pergaulan secara sosial. Akan tetapi selepas waktu bekerja, mereka masing-masing kembali ke dalam lingkaran budaya dan kaum masing-masing dan lingkaran ini tidak pernah terbuka atau dicerobohi oleh mana-mana kaum tersebut. Mereka hidup di dalam dunia kaum masing-masing, nilai mereka bukan sahaja berbeza, malahan kadangkala bertentangan. Ini terbukti dengan perspektif nilai adat dan budaya yang amat berbeza dan kadangkala bertembung antara satu dengan yang lain.³⁴

Apabila timbul usaha untuk mewujudkan keseragaman budaya atau dengan kata lain mewujudkan kebudayaan kebangsaan, maka akan timbul berbagai reaksi dan tanggapan daripada pelbagai pihak. Selalunya reaksi yang timbul adalah negatif. Mereka beranggapan wujud usaha untuk melenyapkan kebudayaan sedia ada atau sekurang-kurangnya menjejaskan kemurnian budaya masing-masing. Ia merupakan tanggapan yang tidak tepat. Kebudayaan merupakan suatu yang dinamik, iaitu berubah dan tidak statik. Adakalanya perubahan itu berlaku dengan cepat dan ada ketikanya berlaku secara lambat. Mereka yang cuba mempertahankan kemurnian kebudayaannya, lupa bahawa ciri-ciri yang murni itu bersifat relatif: apa yang dianggap murni pada hari ini sebenarnya adalah satu pembaharuan pada satu ketika dahulu.³⁵ Namun pandangan negatif ini menyelubungi dan melingkari pemikiran para budayawan masing-masing dan menyukarkan usaha untuk mewujudkan

kesatuan budaya. Sebenarnya lingkaran tersebut terjadi kerana faktor penempatan. Lantaran itulah sentiasa berlakunya pertembungan budaya kerana dalam lingkaran penempatan mereka budaya masing-masing tumbuh subur malah dipupuk sentiasa. Pertembungan budaya yang menjadi wajib bagi integrasi budaya tidak banyak berlaku dalam konteks budaya tradisional, kecuali yang diadakan demi kepentingan integrasi nasional.

Impilikasi Terhadap Pegangan Agama.

Islam merupakan agama rasmi negara. Ia menjadi rasmi sejak turun-temurun lagi. Malah Islam pernah menjadi dasar pemerintahan dunia Melayu suatu waktu dahulu, sejak kurun ke-15 lagi. Kegemilangan Kesultanan Melayu Islam seperti Melaka, Johor, Pahang, Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu, bertunjangan pemerintahan Islam. Sistem pemerintahan, sistem perundangan, sistem perdagangan, sistem pendidikan dan kehidupan sosial semuanya berteraskan kepada ajaran Islam. Kemasyhuran dunia Melayu sebagai Pusat Perdagangan Antarabangsa dan Pusat Penyebaran Islam diketahui umum sehingga ke benua Eropah. Lantaran itu kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba untuk datang ke Timur khususnya ke Kepulauan Melayu bagi mengaut kekayaan yang melimpah-ruah.³⁶

Kesebatian Islam dengan dunia Melayu mula tergugat dengan kehadiran para orientalis Kristian yang mengambil kesempatan untuk menyebarkan dakyah Kristian di dunia Melayu. Kemunculan kuasa Barat dengan para mubalih Kristian akhirnya berjaya menggugat sistem Islam yang bertapak di Tanah Melayu. Mereka mulai memperkenalkan dasar yang memecahbelahkan masyarakat pribumi lokal seperti dasar pecah perintah, sistem residen, dasar ekonomi dualisme, dasar pendidikan sekular, dan sebagainya. Semua dasar ini mempunyai muslihat untuk memisahkan kehidupan beragama dalam masyarakat Melayu Islam. Kebijaksanaan penjajah berinteraksi dengan pihak berkuasa tempatan serta memperkenalkan sistem dan dasar tersebut berjaya melonggarkan pegangan beragama masyarakat pribumi lokal khususnya umat Melayu Islam. Mereka berjaya menambat hati para raja Melayu untuk menerima seorang residen dan menerima imbuhan bulanan tanpa bekerja membuatkan para pemerintah Melayu kelabu mata dan lupa akan tanggungjawab asal mereka, iaitu menjaga dan membela umat Melayu, rakyat mereka sendiri. Sogokan demi sogokan akhirnya sedikit demi sedikit kuasa raja berpindah tangan kepada kuasa penjajah khususnya British. Secara rasminya kuasa raja berpindah tangan kepada British melalui sistem residen ialah pada 20 Januari 1874 apabila Perjanjian Pangkor dimenterai di perairan Pulau Pangkor, Perak. Perpindahan kuasa daripada raja Melayu kepada kuasa kolonial British melalui agennya seperti Residen, Gabenor dan Pesuruhjaya Tinggi British serta Penasihat British berlaku secara terancang dan halus.³⁷ Kehalusan perancangan orientalis Barat akhirnya berjaya menjauhkan pegangan agama di dalam masyarakat Melayu Islam.³⁸ Ini menggambarkan kejayaan para orientalisme berinteraksi dan berintegrasikan serta melakukan asimilasi terhadap bangsa Melayu Islam khususnya golongan elit dan bangsawan.

Kejayaan penjajah British berinteraksi, berintegrasikan dan berasimilasi dalam masyarakat Melayu Islam juga dapat dilihat dalam kehidupan beragama mereka. Dewasa ini masyarakat Melayu melihat Islam sekadar sebuah agama ritual semata-mata. Ini membuktikan bahawa satu kejayaan besar buat para orientalis Barat dalam menerapkan fahaman sekularisme ke dalam kehidupan masyarakat pribumi lokal di Tanah Melayu. Sebagai contoh, ramai dalam kalangan masyarakat Melayu hari ini tidak mendirikan solat, tidak berpuasa, manakala remaja Islam mengamalkan budaya bebas, beranggapan menutup aurat sekadar fesyen, timbul amalan menyatakan bahawa segala-galanya bergantung kepada

niat tanpa mengambilkira perbuatan yang menterjemahkan niat mereka. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu Islam hari ini amat longgar pegangan beragama mereka.³⁹

Fenomena ini turut mempengaruhi masyarakat Islam bukan Melayu yang terdapat di Tanah Melayu. Sorotan sejarah memperlihatkan kemasukan Islam secara beramai-ramai di zaman awal kemerdekaan khususnya semasa Tungku Abdul Rahman Putra Al Haj menjadi Perdana Menteri Malaysia. Kebanjiran masyarakat imigran menganut Islam amat membanggakan. Namun di sebalik kemasukan ini fahaman dan kesedaran Islam tidak diberikan secara serius kepada mereka sehinggakan timbul ungkapan atau tanggapan '*Masuk Melayu*'. Tanggapan sebegini amat merisaukan bangsa lain kerana masuk Melayu bermaksud meninggalkan amalan budaya dan menghilangkan identiti bangsa asal mereka.⁴⁰ Malah bagi mereka masuk Melayu merugikan kerana bangsa Melayu ketinggalan dalam semua lapangan kehidupan. Fenomena ini membuktikan kegagalan berinteraksi dan berintegrasi oleh pihak berwajib dan masyarakat Islam sendiri dalam memberikan kefahaman Islam sebenar kepada masyarakat muallaf dan masyarakat bukan Islam.

Bagi merealisasikan Islam sebagai lambang keperibadian diri, usaha terancang perlulah dijalankan agar dapat memberikan kefahaman dan kesedaran serta dihayati dalam kalangan masyarakat Islam sama ada Melayu, Cina mahupun India. Badan dakwah yang terdapat di Malaysia mestilah memikirkan secara serius untuk mengasimilasikan hasrat murni ini. Badan dakwah seperti Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) JPM, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, Angkatan Nahdatul Islam Bersatu Sabah (BINA), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), dan lain-lain, mestilah menjalankan tugas dengan berkesan tanpa mencari publisiti murahan atau terlalu terlibat dalam isu politik semata-mata. Ini perlu dilakukan demi untuk membuktikan bahawa Islam adalah agama universal dan berbentuk *rahmatan lilalamin*.

Kesimpulan

Perkembangan interaksi, integrasi dan asimilasi antara masyarakat lokal dengan masyarakat imigran di Malaysia sesungguhnya masih dalam peringkat pelaksanaan. Ia merupakan satu proses berterusan sepanjang masa. Bagi merealisasikan hasrat ini maka semua pihak hendaklah berlapang dada dan bersedia untuk melakukannya. Tanpa kerelaan, amat sukar untuk menjayakan matlamat tersebut. Setiap bangsa yang terlibat mestilah melihat perkara tersebut secara positif kerana usaha kerajaan atau badan yang terlibat sebenarnya bukan untuk menghilangkan identiti satu-satu adat dan budaya itu. Mereka harus belajar daripada sejarah yang pernah dilalui oleh negara kita. Tetapi proses ini sebenarnya bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat berbilang kaum menjadi satu bangsa yang boleh dibanggakan bergelar bangsa Malaysia. Hasrat melahirkan satu bangsa bergelar Malaysia sebenarnya berteraskan kepada Kebudayaan Nasional yang mengambilkira semua budaya yang ada di negara ini. Matlamat utama usaha ini dilakukan bertujuan untuk memastikan perpaduan nasional terpelihara. Ianya tidak harus dipolitikkan mahupun dipolemikkan. Ahli politik hendaklah bijak dalam memilih isu politik dan meletakkan kepentingan nasional di hadapan. Kemajuan sesebuah bangsa dan negara tidak akan bermakna sekiranya perpaduan negara tidak dinikmati. Tragedi 13 Mei mestilah dijadikan teladan dan panduan agar usaha mewujudkan interaksi, integrasi dan asimilasi antara kaum berjalan dengan lancar. Dengan berbuat demikian dapat

memastikan kewujudan perpaduan kaum khususnya Malaysia yang berlatarbelakangkan masyarakat majmuk dapat dicapai.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang dalam menayakan penulisan ini sehingga ia diterbitkan.

Biodata

* **Ishak Saat** (ishakhj@fsk.upsi.edu.my) (**corresponding author**) merupakan Professor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Received: 1 Julai 2023

Reviewed: 15 Julai 2023

Accepted: 30 Oktober 2023

Nota

¹ *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 61 dan 457.

² Mohd. Taib Osman, *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 125-126.

³ Khazin Mohd. Tamrin, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 1.

⁴ Mohamad Akmal Ibrahim, "Pendekatan Malaysia dan Indonesia dalam Mengatasi Krisis Ekonomi 1997: Kesan Terhadap Pelaburan Malaysia di Indonesia," *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 28, No. 1, 2019, 118-132.

⁵ Ishak Saat, *Warisan Kepimpinan dan Ketuanaan Melayu 1945-2013*, Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn, 2016, hlm. 36.

⁶ Khazin Mohd. Tamrin dan Rahmat Saripan, "Perantauan Melayu dan Kemajuan Masyarakat di Zaman Kolonial British Malaya", dlm. Nik Hassan Shuhaimi, Mohd. Samsudin dan Kamaruzaman Mohd. Yusof(ed.), *Sejarah dan Proses Pemantauan Negara Bangsa*, Jilid III, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1998.

⁷ *Ibid.*, hlm. 76.

⁸ Ho Hui Ling, "Masyarakat Majmuk di Tanah Melayu dan Usaha ke Arah Memupuk Kerjasama Antara Kaum, 1946-1957," *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 17, No. 17, 2009, 63-85.

⁹ Mohd. Taib Osman, *Kebudayaan Melayu*, hlm. 120.

¹⁰ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2001, hlm. 9.

¹¹ Khoo Kay Kim, "Latarbelakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu", *Jebat*, Bil. 1, 1971/72, hlm. 10.

¹² *Malaysia Kita*, Kuala Lumpur: INTAN, 1991, hlm. 420.

¹³ *Ibid.*, hlm. 420.

¹⁴ *Malaysia Kita*, hlm. 422.

¹⁵ Mohd. Taib Osman, *Kebudayaan Melayu*, hlm. 62.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 64-65.

¹⁷ Siddiq Fadil, *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1998, hlm. 105.

- ¹⁸ Mahathir Muhamad, *Teks Ucapan Perasmian Persidangan Agung UMNO*, Kuala Lumpur: Pejabat AGUNG UMNO, 1988.
- ¹⁹ Ibid., hlm. 5
- ²⁰ Oong Hak Ching, "Sikap dan Pandangan-pandangan Politik Baba Peranakan: 1890-1940", dlm. Nik Hassan Shuhaimi, Nik Abuar Nik Mahmud dan Yahaya Abu Bakar, *Sumbangsih Kumpulan Esei Sejarah*, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 120.
- ²¹ Ibid., hlm. 150.
- ²² Wan Abdul Kadir, "Tradisi dan Kemodenan Dalam Perkembangan Budaya Populer Melayu", dlm. Norazit Selat, Hashim Awang & Nor Hisham Osman. *Meniti Zaman, Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malay., 1997, hlm. 61
- ²³ Mohd Ridzuan Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.120 dan 158.
- ²⁴ Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Penerbitan ABADI, 1979, hlm. 44.
- ²⁵ *Malaysia Kita*, hlm. 441.
- ²⁶ Mahadzir Mohd. Khir, "Proses Tranformasi Politik Malaysia: Dari Raja ke Rakyat", dlm. Norazit Selat, Hashim Awang & Nor Hisham Osman. *Meniti Zaman, Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Moden*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya, 1997, hlm.1.
- ²⁷ Ibid., hlm.2.
- ²⁸ Hasrom Haron, *Barisan Nasional: Selayang Pandang Tentang Konsep dan Perkembangannya*, *Jebat*, 1973/4/1974/5, hlm.100.,
- ²⁹ Syed Muhammad Al Naquib Al-Atas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM, 1978, hlm. 13.
- ³⁰ Tan Liok Ee, "Dasar Pendidikan dalam konteks dekolonisasi: Semenanjung Tanah Melayu 1945-1955", dlm. Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed), *Kolonialisme di Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1990, hlm. 205.
- ³¹ Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 1988, hlm. 43-44.
- ³² Mohd. Salleh Lebar, *Perubahan dan kemajuan pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988, hlm. 55-56.
- ³³ Ibid., hlm. 122.
- ³⁴ Mohd. Taib Osman, *Kebudayaan Melayu*, hlm. 80.
- ³⁵ Mohd. Taib Osman, *Bunga rampai kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 29.
- ³⁶ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 3.
- ³⁷ Mahadzir Mohd. Khir, *Meniti Zaman*, hlm. 14.
- ³⁸ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, hlm. 196.
- ³⁹ Ishak Saat, *Warisan Kepimpinan*, hlm. 46.
- ⁴⁰ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, hlm, 240.

Rujukan

- Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2001.
- Hasrom Haron, *Barisan Nasional: Selayang Pandang Tentang Konsep dan Perkembangannya*, *Jebat*, 1973/4/1974/5.
- Ho Hui Ling, "Masyarakat Majmuk di Tanah Melayu dan Usaha ke Arah Memupuk Kerjasama Antara Kaum, 1946-1957," *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 17, No. 17, 2009, 63-85.

Ishak Saat, *Warisan Kepimpinan dan Ketuanaan Melayu 1945-2013*, Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn, 2016.

Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Khazin Mohd. Tamrin, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.

Khoo Kay Kim, Latar belakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu, *Jebat*, Bil. 1, 1971/72.

Mahathir Muhamad, *Teks Ucapan Perasmian Persidangan Agung UMNO*, Pejabat AGUNG UMNO, Kuala Lumpur, 1988.

Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Malaysia Kita, Kuala Lumpur: INTAN, 1991.

Mohamad Akmal Ibrahim, "Pendekatan Malaysia dan Indonesia dalam Mengatasi Krisis Ekonomi 1997: Kesan Terhadap Pelaburan Malaysia di Indonesia," *SEJARAH: Journal of the Department of History*, Vol. 28, No. 1, 2019, 118-132

Mohd Ridzuan Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Mohd. Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988.

Mohd. Taib Osman, *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Mohd. Taib Osman, *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 1988.

Nik Hassan Shuhaimi, Mohd. Samsudin dan Kamaruzaman Mohd. Yusof(ed.), *Sejarah dan Proses Pemantauan Negara Bangsa*, Jilid III, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1998.

Nik Hassan Shuhaimi, Nik Anuar Nik Mahmud dan Yahaya Abu Bakar, *Sumbangsih Kumpulan Esei*, Bangi: *Sejarah*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

Norazit Selat, Hashim Awang & Nor Hisham Osman. *Meniti Zaman, Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Moden*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1997.

Siddiq Fadil, *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1998.

Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Penerbitan ABADI, 1979.

Syed Muhammad Al Naquib Al-Atas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM, 1978.